

Langkawi layak bergelar 'permata Kedah'



Sky Cab

Nikmati kehijauan Langkawi dengan menaiki kereta kabel paling curam di dunia. Pada ketinggian 708 meter dari paras laut, melihat pemandangan seluruh pulau ini dan selatan Thailand.

Bongkah batu besar, rabung tinggi menyerlahkan panorama menakjubkan seluas 360 darjah, menjadikan destinasi wajib dikunjungi. Di Langkawi Skytrail mengikuti aktiviti merentas hutan di stesen pertengahan Langkawi Skybridge, jambatan bengkak unik terletak di puncak tertinggi Gunung Mat Chinchang.



Taman Georimba Kilim

▲
Kilim merupakan ekosistem bakau terunggul, unik kerana membiak pada kawasan batu kapur

Kawasan rizab semula jadi dan tapak geologi dipenuhi flora dan fauna menakjubkan, perkembangan geologi yang mempesonakan seperti bukit batu kapur, fosil, gua dan lagun, pantai dan hutan paya bakau yang tebal. Juga saksikan tupai, ketam lumpur dan monyet, selain pokok bakau berusia lebih 100 tahun.

Muzium Laman Padi

Muzium ini dibina pada 1998 untuk mempamerkan artifak berkaitan padi tempatan, carfa, gambar dan peralatan menanam padi, sebagai salah satu cabang eko-pelancongan, selain melihat teknik penanaman padi.



Taman Agroteknologi MARDI



Beri pendedahan penggunaan inovasi moden industri pertanian. Taman agro ini terkenal kerana pengkomersialan 20 pokok buahan tropika bermusim dan tidak bermusim. Mengelilingi ladang,

10 tempat menarik patut dikunjungi


Mendambakan destinasi percutian tropika yang paling istimewa di Malaysia, Langkawi antara pilihan terbaik lengkap dikelilingi samudera biru, diliputi hutan menghijau dan antara air terjun tercantik di dunia.

Langkawi dianugerahkan status pusat rujukan UNESCO Global Geo-

park di Asia Pasifik dipenuhi pelbagai sumber kekayaan tersembunyi.

Juga teluk mempesonakan dan pantai menakjubkan di dalam kawasan kepulauan terdiri daripada 99 pulau untuk diterokai pengunjung. Berikut 10 tempat menarik wajar dilawati di pulau permata Kedah ini.

Underwater World Langkawi



Antara akuaria marin dan air tawar terbesar di Asia Tenggara, dibina bagi memupuk kesedaran kepentingan pemuliharaan hidupan akuatik.

Antara tarikan ialah Zon Ekosistem Hutan Hujan Tropika & Sungai, Pameran Kulit Kerang, Zon Reptilia, Zon Terumbu Karang dan Zon Haiwan Beracun & Berbisa.

Menampilkan terowong pejalan kaki sepanjang 15 meter, sambil melihat lebih dekat pelbagai jenis hidupan laut yang luar biasa seperti Penyu Hijau Gergasi. Akuarium air masin ini terletak berhampiran pusat membeli-belah dan bistro.

Kota Mahsuri

Makam memperingati kisah legenda silam Mahsuri Pandak Mayah, kecantikannya dicemburui kakak iparnya sehingga menyebabkan dia menyebabkan fitnah, menuduh Mahsuri berlaku curang kepada suaminya.


Mahsuri dihukum tanpa bersalah bersumpah Langkawi menjadi gersang bak padang jarak padang tekukur selama tujuh keturunan. Juga keindahan seni bina rumah kayu dijadikan muzium dilengkapi beberapa barang kemas milik Mahsuri, senjata digunakan untuk membunuhnya dan makamnya.



▶ Kawasan penanaman padi menyejukkan mata memandang.

◀ Lawatan tidak lengkap jika tidak mengunjungi Makam Mahsuri.

Pertunjukan Api (Pantai Chenang)



Terletak di persisiran Pantai Chenang, kawasan pantai dipenuhi dengan sofa 'bean bag' berwarna-warni, sesuai menikmati matahari terbenam, sambil mendengar alunan muzik, makan dan minum di restoran.

Pertunjukan belantan berapi, diputar dan dilambung ke udara kemudian ditangkap semula, menerangi suasana malam dengan cahaya berkilauan.

Dataran Helang

Ikonic menempatkan sebuah tugu berbentuk burung Helang setinggi 12 meter. Ia dibina bagi menzahirkan inspirasi di sebalik nama pulau ini yang menggabungkan perkataan lang (helang) dan


kawi (batu perang kemerahmerahan).

Menghadap Jeti Kuah, helang gergasi ini dilihat sebagai simbol mengalukan kedatangan pengunjung ke Langkawi.



Kompleks Kraf Langkawi

Beroperasi pada 1996, di Jalan Teluk Yu dihiasi komponen bertemakan Islam bagi menyerikan reka bentuk hiasan di dindingnya dan mempamerkan keindahan seni bina Melayu. Juga menawarkan pelbagai pilihan produk kraf tangan tempatan dan sertai aktiviti kraf tangan interaktif.



tidak bermusim. Mengelilingi ladang, berehat sambil menikmati bufet buah-buahan tempatan.

3D Art Langkawi



Muzium seni 3D kedua terbesar di dunia. Lebih 100 karya seni dihasilkan 23 pelukis Korea dan beberapa pakar tempatan. Di sini dapat melihat pelbagai jenis haiwan mitos seakan-akan menepa keluar daripada bingkai gambar, atau lelaki menghulurkan tangan keluar daripada potrenya.

Ada beberapa zon dengan temanya sendiri, antaranya zon akuarium dipenuhi gambar hidupan marin; zon safari; beberapa zon boleh berinteraksi dengan karya seni itu dan zon mimpi, di mana akan merasa sepi sedang berjalan di dalam mimpi.